



## SIARAN AKHBAR

---

### **PROGRAM GERAI HUJUNG MINGGU PASAR KITANI KETENGAHKAN HASIL SEGAR PRODUK PERTANIAN TEMPATAN**

#### **Ruang Concourse, Stadium Negara Hassanal Bolkiah**

Ahad, 9 Ogos 2020 - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, dengan kolaborasi bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telahpun secara rasminya melancarkan Program Gerai Hujung Minggu Pasar Kitani iaitu sebuah program yang akan memberikan platform alternatif bagi memasarkan hasil produk pertanian para pengusaha dan peladang tempatan dalam usaha untuk mengukuhkan lagi sektor pertanian di Negara ini.

Hadir bagi melancarkan bersama program tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Seramai 43 orang pengusaha dan peladang tempatan menyertai petak jualan program ini yang terdiri daripada mereka yang mengusahakan tanaman sayur-sayuran, buah-buahan, ternakan dan produk tambah nilai agrimakanan (makanan berproses) yang menggunakan hasil produk tempatan sebagai bahan asas dalam produk mereka. Antara produk-produk berasaskan pertanian yang dijual ialah pisang, rambutan, mulberi, salad, asparagus, petai, telur ayam, telur itik, telur puyuh, telur masin, selain kopi robusta dan arabika tempatan, dan juga jus dan acar buah dari buah-buahan tempatan.

Turut hadir ialah beberapa orang Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara iaitu Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, Yang Berhormat, Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, Yang Berhormat, dan Awang Haji Mohaimin bin Haji Johari @ Jahari; Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-Ketua Jabatan; pegawai-pegawai kanan; serta para pegawai dan kakitangan daripada tiga (3) Kementerian berkenaan termasuk Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Di samping sebagai menyahut seruan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi para pengusaha dan peladang tempatan untuk meningkatkan produktiviti masing-masing, ianya juga adalah bagi membantu para pengusaha dan peladang tempatan dalam membekalkan hasil segar tempatan berkualiti tinggi terus kepada pelanggan selain platform untuk berinteraksi terus dengan orang ramai dan seterusnya mempromosikan hasil segar dari ladang masing-masing.

Adalah diharapkan melalui program ini, ianya akan dapat membantu pengusaha dan peladang tempatan mendapat peluang meluaskan pasaran dan jaringan perniagaan, serta *business matching* di samping potensi untuk mengembangmajukan perniagaan pengusaha dan peladang tempatan. Ini seterusnya diharap akan meningkatkan keluaran hasil ladang sehingga mampu menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara Brunei Darussalam.

Aktiviti jualan program ini turut dapat diakses secara atas talian melalui aplikasi Ta-Pow, iaitu hasil kerjasama pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama sebuah syarikat pembangunan aplikasi tempatan, Ta-Pow.com. Oleh itu bagi orang ramai yang tidak berkesempatan untuk mengunjungi tempat jualan, bolehlah mendapatkan khidmat penghantaran terus melalui aplikasi tersebut.

Program ini akan diadakan pada setiap hari Ahad, dan akan bermula dari jam 6 hingga 11 pagi. Bagi menyertai program ini, peserta mestilah pengusaha dan peladang tempatan yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Kepada yang berminat bolehlah menghubungi Urusetia Program Gerai Hujung Minggu Pasar Kitani melalui talian 2470400.

Disediakan oleh:

**Jabatan Pertanian dan Agrimakanan**

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Bandar Seri Begawan

Negara Brunei Darussalam

15hb Zulhijjah 1441

6hb Ogos 2020